



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**  
**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2023**

---

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**Satu Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan baharu.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Gambar berikut merupakan inskripsi yang terdapat dalam kerajaan Srivijaya.



Inskripsi Telaga Batu

- Apakah kepentingan inskripsi tersebut?
- A Menerangkan peraturan kerajaan  
B Memperakui perjanjian perdamaian  
C Mencatat salasilah keturunan pemimpin  
D Memperkuuh kesetiaan kepada pemerintah
- 2 Pilih padanan yang **betul** berkaitan peranan pembesar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

	Pembesar	Peranan
A	Bendahara	Menjadi penasihat raja
B	Laksamana	Mengurus perbendaharaan negara
C	Syahbandar	Menjaga ketenteraman di laut
D	Penghulu Bendahari	Mengutip cukai di pelabuhan

- 3 Mengapakah Revolusi Keagungan berlaku di England pada tahun 1688?
- I Mengembalikan hak rakyat  
II Menentang penjajahan asing  
III Menolak pelaksanaan Akta Setem  
IV Menegakkan kedaulatan Parlimen
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

4 Gambar berikut merupakan tokoh nasionalisme pada awal abad ke-20.



Raja Chulan Raja Abdullah

Muhammad Eunos Abdullah

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menyebarluaskan fahaman Islah
  - B Merangka sistem pendidikan
  - C Mengasaskan pertubuhan politik
  - D Membaiki taraf hidup orang Melayu
- 5 Penamatan Perang Dunia Pertama telah membawa kepada termeterainya Perjanjian Versailles pada tahun 1919.
- Apakah kepentingan perjanjian tersebut?
- A Mewujudkan keamanan
  - B Memantapkan pentadbiran
  - C Memulihkan institusi beraja
  - D Menyatukan wilayah
- 6 Mengapa Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa di Asia Pasifik pada Perang Dunia Kedua?
- I Menyebarluaskan ideologi
  - II Memulihkan kepercayaan rakyat
  - III Memenuhi keperluan industri
  - IV Mewujudkan orde baharu
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 7 Maklumat berikut berkaitan reaksi orang Melayu terhadap Malayan Union.

<b>Tarikh</b>	1 hingga 4 Mac 1946
<b>Peristiwa</b>	Kongres Melayu
<b>Tempat</b>	Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur

- Apakah persetujuan yang dicapai dalam kongres tersebut?
- A Penubuhan UMNO  
B Pembubaran Malayan Union  
C Pemantapan kuasa Raja Melayu  
D Penangguhan pelantikan Gabenor
- 8 Bagaimanakah British melumpuhkan gerakan nasionalisme di Sabah selepas Perang Dunia Kedua?
- A Menangkap pemimpin tempatan  
B Menawarkan kenaikan pangkat  
C Menggubal undang-undang  
D Mengharamkan persatuan
- 9 Bagaimanakah PUTERA-AMCJA menentang perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Membawa kes ke mahkamah  
B Menghantar surat bantahan  
C Mengadakan referendum  
D Menganjurkan hartal
- 10 Mengapa orang Melayu menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kuasa raja dikembalikan  
B Kerakyatan yang longgar  
C Hak sama rata semua kaum  
D Pentadbiran tradisional diperkuukuh

- 11 Maklumat berikut berkaitan usaha British menangani ancaman komunis di Tanah Melayu pada tahun 1948.

Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menggeledah rumah kediaman</li><li>• Mengetatkan undang-undang senjata api</li><li>• <b>X</b></li></ul>

Apakah X?

- A Memajukan perkhidmatan penerangan  
B Menawarkan hadiah wang tunai  
C Mengharamkan parti radikal  
D Menggantung penerbitan akhbar
- 12 Apakah kesan pelaksanaan rancangan penempatan semula Kampung Baru semasa zaman darurat di Tanah Melayu?

- A Mempercepat kemerdekaan negara  
B Meningkatkan peluang pekerjaan  
C Merenggangkan hubungan kaum  
D Menjejasikan ekonomi sara diri
- 13 Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein telah mencadangkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang baharu.

- Apakah cadangan jawatankuasa tersebut?
- A Menyediakan pembiayaan pendidikan  
B Memperkenalkan kurikulum seragam  
C Mewujudkan sekolah aneka jurusan  
D Menaik taraf sekolah vernakular
- 14 Mengapa Dato' Onn Jaafar menubuhkan Independence of Malayan Party (IMP) pada tahun 1951?
- A Menyatukan anak negeri  
B Menentang ancaman komunis  
C Mewujudkan perpaduan kaum  
D Memperjuang hak bumiputera


[Lihat halaman sebelah

- 15 Pilihan Raya Umum 1955 telah membawa kepada penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Apakah kesan penubuhan majlis tersebut?

- A Raja Berperlembagaan diperkenalkan
- B Kuasa Kerajaan Negeri ditetapkan
- C Ancaman komunis ditamatkan
- D Pentadbiran tempatan dikembalikan

- 16 Gambar berikut adalah ahli kabinet pertama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.



Apakah kepentingan pembentukan kabinet tersebut?

- A Pelaksanaan dasar berkecuali
- B Perkongsian kuasa antara kaum
- C Pelantikan Yang Dipertuan Agong
- D Penubuhan Dewan Perundangan

- 17 Apakah perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London pada tahun 1956?

- A Memajukan kemudahan pendidikan
- B Mengimbangi kemasukan imigran
- C Mendapat bantuan pertahanan
- D Menentukan sempadan negeri

18 Maklumat berikut berkaitan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Perkara 153 (1) Maka Yang di-Pertuan Agong bertanggongjawab atas perkara menjaga kedudukan istimewa orang<sup>2</sup> Melayu serta hak<sup>2</sup> yang halal bagi kaum<sup>2</sup> yang lain<sup>2</sup> menurut sharat<sup>2</sup> Perkara ini.

Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada inti pati perjanjian tersebut?

- A Kekuatan budaya bangsa
  - B Keadilan kepada semua kaum
  - C Kepentingan hidup beragama
  - D Kepatuhan kepada ideologi negara
- 19 Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan dalam persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?
- A Menggubah lagu Negaraku
  - B Memilih bunga kebangsaan
  - C Mendirikan Stadium Merdeka
  - D Membuat tempahan bendera
- 20 Berikut adalah agensi kerajaan yang terlibat dalam membangunkan ekonomi negara selepas merdeka.

- Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- Majlis Pembangunan Luar Bandar

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Membangunkan infrastruktur
- B Meningkatkan pelaburan luar
- C Memajukan kawasan industri
- D Mengawal harga barang

[Lihat halaman sebelah

21 Senarai berikut adalah usaha kerajaan bagi menjamin kedaulatan negara.

- Bahasa Kebangsaan
- Sukan
- Rukun Negara

Apakah kepentingan usaha tersebut?

- A Mengukuh kuasa autonomi  
B Memupuk semangat patriotisme  
C Mewujudkan pemerintahan adil  
D Mendapat pengiktirafan luar
- 22 Apakah peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara?
- A Menggubal dasar kerajaan  
B Memodenkan aset ketenteraan  
C Menghormati lambang kebesaran  
D Menyertai pasukan sukarelawan
- 23 Apakah ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Kerajaan Persekutuan  
B Kedudukan orang Melayu  
C Kewarganegaraan penduduk  
D Sistem Demokrasi Berparlimen
- 24 Mengapa Perlembagaan Persekutuan dipinda pada tahun 1963?
- A Pelaksanaan pilihan raya umum  
B Pengasingan kuasa pemerintahan  
C Perubahan struktur Mahkamah Atasan  
D Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- 25 Durbar telah ditubuhkan pada tahun 1897.  
Apakah peranan institusi tersebut?
- A Mengurniakan darjah kebesaran  
B Membincangkan hal ehwal pentadbiran  
C Meluluskan pindaan undang-undang  
D Melantik pegawai kerajaan

26 Mengapakah kebebasan asasi di negara kita tidak bersifat mutlak?

- A Memperkuuh kuasa pemerintah
- B Memastikan ketenteraman awam
- C Membendung sifat kenegerian
- D Menyekat amalan berpolitik

27 Mengapakah pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dilaksanakan di negara kita?

- I Mengelakkan kuasa mutlak
  - II Menyatukan parti politik
  - III Menjamin kestabilan
  - IV Memajukan negara
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28 Mengapakah Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan majlis berikut?

- Majlis Kewangan Negara
- Majlis Tanah Negara
- Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

- A Melicinkan pentadbiran
- B Menjamin keselamatan negara
- C Mengukuhkan nilai mata wang
- D Memulihara khazanah alam

29 Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan pada tahun 1962 untuk menjayakan gagasan Malaysia.

Apakah tujuan pembentukan suruhanjaya tersebut?

- A Mengenali tradisi tempatan
- B Meninjau pendapat penduduk
- C Mengadakan hubungan diplomatik
- D Menyediakan rangka perlembagaan

[Lihat halaman sebelah

- 30 Jeneral Suharto mengambil alih kuasa pemerintahan Indonesia daripada Presiden Soekarno pada tahun 1965.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Sempadan negara ditutup
- B Pakatan tentera dibentuk
- C Dasar konfrontasi berakhir
- D Ideologi komunis tersebar

- 31 Maklumat berikut merupakan langkah mengatasi ancaman komunis di Sarawak selepas pembentukan Malaysia.

**X**

- Menyebarluaskan risalah
- Tawaran program pengampunan
- Mengadakan perhimpunan awam

Apakah X?

- A Pendaftaran Kebangsaan
  - B Rancangan Briggs
  - C Operasi Hammer
  - D Perang Saraf
- 32 Maklumat berikut berkaitan isu pembangunan ekonomi yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.

- Terlalu bergantung kepada eksport bijih timah dan getah
- Kejatuhan harga bahan mentah

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A Mempelbagaikan pengeluaran komoditi
- B Mempergiatkan aktiviti perlombongan
- C Mendapat bantuan negara maju
- D Membuka petempatan baharu

33 Apakah kepentingan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal pada tahun 1971?

- A Menjaga kepentingan peribumi
- B Menyusun semula masyarakat
- C Menghalang pengaruh barat
- D Mengekalkan identiti negara

34 Pernyataan berikut merujuk kepada prinsip kelima Rukun Negara.

Kesopanan dan Kesusahaaan

Bagaimanakah prinsip tersebut boleh dicapai?

- A Menguasai bahasa asing
- B Mempertingkat daya cipta
- C Mengamalkan akhlak mulia
- D Mempertahankan kedaulatan

35 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat di bandar.

Apakah inisiatif kerajaan bagi merealisasikan hasrat tersebut?

- A Menggalakkan pembukaan tanah
- B Memajukan sektor perindustrian
- C Memperuntukkan bantuan kredit
- D Meningkatkan pengeluaran makanan

36 Jadual berikut menunjukkan penurunan peratusan kadar kemiskinan di negara kita.

Tahun	1970	1990	2000
Peratus kemiskinan	49.3%	17.1%	7.2%

Mengapa keadaan tersebut berlaku?

- A Pertambahan buruh asing
- B Penambahbaikan sistem perbankan
- C Peningkatan pendapatan isi rumah
- D Pengamalan polarisasi kaum

[Lihat halaman sebelah

- 37 Rancangan Colombo telah diperkenalkan oleh pertubuhan Komanwel pada tahun 1951.

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Menangani masalah kemiskinan
- B Menamatkan dominasi negara maju
- C Membanteras pemerdagangan manusia
- D Menyediakan bantuan ketenteraan

- 38 Malaysia telah menandatangi Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) pada 15 hingga 16 April 1971.

Apakah rasional perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Menjana ekonomi negara
- B Memperoleh bantuan teknikal
- C Mengharamkan senjata nuklear
- D Mengurangkan tarif cukai

- 39 Maklumat berikut berkaitan dengan isu pertindihan sempadan yang melibatkan Malaysia dengan negara jiran.

Tahun	Isu tuntutan sempadan
2002	Pulau Sipadan dan Ligitan
2008	Pulau Batu Putih

Isu tersebut berjaya diselesaikan melalui

- A tuntutan di Mahkamah Antarabangsa
- B campur tangan pertubuhan ASEAN
- C sokongan pemimpin dunia
- D rundingan diplomatik

- 40 Gambar berikut menunjukkan kekejaman rejim Israel terhadap rakyat Palestin.



Bagaimanakah reaksi masyarakat Malaysia terhadap situasi tersebut?

- A Menyertai perjanjian damai
- B Menghantar bantuan tentera
- C Mengawasi gencatan senjata
- D Mengutip sumbangan kewangan

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**